

**NOTIS SEBUTHARGA**

1. Tawaran adalah dipelawa kepada syarikat yang berpengalaman, berkelayakan dan berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia bagi melaksanakan perkhidmatan berikut:

<b>NO. SEBUTHARGA</b>	<b>TAJUK</b>	<b>KOD BIDANG</b>	<b>TEMPOH PEMBUKAAN SEBUTHARGA</b>	<b>TARIKH TUTUP</b>
Bil.15/2022	Perkhidmatan Penilaian Kredit (Credit Rating Assessment) Bagi Alumni Enterpris 50 (E50) SME Corp. Malaysia Tahun 2022	<b>221803 &amp; 221804</b>	7 September 2022 hingga 13 September 2022	13 September 2022 12.00 tengahari

2. Syarikat yang berminat hendaklah berdaftar dalam kod bidang yang dinyatakan di atas. Untuk makluman, Kementerian Kewangan Malaysia telah menguatkuasakan penggunaan Kod-kod Bidang baharu dan peraturan baharu pendaftaran mulai 17 Jun 2012. Penguatkuasaan ini dikenakan ke atas semua syarikat dan firma perunding yang berdaftar dengan Kementerian Kewangan Malaysia. Sila rujuk laman web rasmi ePerolehan di [www.eperolehan.gov.my](http://www.eperolehan.gov.my) untuk maklumat lanjut.
3. Dimaklumkan juga bahawa Dokumen Sebutharga boleh dimuat turun di laman sesawang SME Corp. Malaysia. Semua kos berkaitan Cadangan Tawaran Sebutharga ini adalah menjadi tanggungjawab Pembekal.
4. Pembekal hendaklah menyertakan sesalinan dokumen sepertimana yang dinyatakan di dalam senarai semak yang terdapat dalam Dokumen Sebutharga.
5. Cadangan Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat yang bermeterai dan bertanda dengan Tajuk dan No. Sebutharga disebelah kiri atas sampul surat dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran atau menghantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah  
Bahagian Pengurusan Korporat  
Aras 5, Blok B, Platinum Sentral  
Jalan Stesen Sentral 2  
Kuala Lumpur Sentral  
50470 Kuala Lumpur**

6. SME Corp. Malaysia tidak terikat untuk menerima Cadangan Tawaran terendah atau mana-mana cadangan tawaran. SME Corp. Malaysia berhak untuk menerima, menolak atau membatalkan keseluruhan atau sebahagian daripada Cadangan Tawaran.
7. Cadangan Tawaran yang dikemukakan selepas tarikh dan masa tutup tidak akan dipertimbangkan.
8. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi Unit Perolehan, SME Corp. Malaysia ditalian 03-2775 6263 / 6025 / atau e-mel, [perolehan@smecorp.gov.my](mailto:perolehan@smecorp.gov.my)